

# UM duduki ranking antara 400 teratas terbaik dunia

**KUALA LUMPUR** - Universiti Malaya (UM) menduduki tempat antara 400 teratas dalam Times Higher Education World University Rankings 2018, termasuk dalam senarai 1,000 universiti teratas dari 77 negara.

Dalam kenyataan semalam, *Times Higher Education* (THE) berkata, UM yang baru dimasukkan ke dalam se-

narai itu, termasuk dalam kelompok 351-400, manakala Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten), yang disenaraikan untuk julung kalinya, masing-masing termasuk dalam kelompok 501-600 dan 801-1,000.

Tiga universiti itu adalah antara lapan universiti Malaysia yang ter-

masuk dalam 1,000 universiti teratas, berbanding tujuh pada 2017.

Lima universiti lagi ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Petronas, yang termasuk dalam kelompok 601-800.

- *Bernama*